

Headline	Madius tidak pernah cadang FRIM tubuh cawangan di Sabah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	18 Nov 2015	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	184 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 379
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,137



‘Madius tidak pernah cadang FRIM tubuh cawangan di Sabah’

PUTRAJAYA: Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau tidak pernah mencadangkan agar Institut Pernyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menubuhkan cawangannya di Sabah.

“Selepas meneliti laporan dalam akhbar *Daily Express* pada 13 November, 2015, saya dapatkan tidak ada disebut di mana-mana bahawa, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau membuat saranan seperti itu yang mewajarkan maklumbalas keras daripada Pengarah Perhutanan Sabah.

“Dalam ucapannya, Menteri terbabit hanya mencadangkan agar FRIM menubuhkan satu bahagian yang mengkhusus kepada penjagaan Akasia di bawah lingkungan institut berkenaan.

“Beliau tidak pernah membuat gesaan agar FRIM menubuhkan cawangannya di Sabah,” kata Setiausaha Akhbar, Chris Maskilone, dalam satu kenyataan di sini, Selasa.

Rasional Madius membuat cadangan itu adalah disebabkan keluasan ladang Akasia di Sabah iaitu 63,980 hektar atau kira-kira 26.8 peratus hutan perlادangan di Sabah, sementara di Sarawak, jumlah ladang Akasia ialah 236,936 hektar.

“Dengan keluasan seperti itu, beliau percaya adalah sesuai agar satu bahagian khusus ditubuhkan di dalam FRIM untuk memberikan bantuan jika sesuatu

berlaku yang menjasakan keseluruhan ladang Akasia,” katanya.

Menteri itu secara khusus menyebut FRIM kerana Timbalan Ketua Pengarah Dr Rahim Sudin turut hadir ketika perasmian “Bengkel Pemindahan Teknologi mengenai nilai tambah Akasia dari Sabah – Sebuah Projek Komuniti oleh STIA yang dibiayai oleh Mosti.”

Pada masa sama, Menteri terbabit menyebut senario kekurangan bahan mentah untuk industri perabot Akasia kerana semua Akasia yang ditanam di Sabah dijadikan palpa dan tiada untuk mereka.

“Madius tahu mengenai isu-isu itu ini memandangkan beliau merupakan bekas pengurus Lembaga Industri Perkayuan Malaysia dan beliau kesal kerana satu cadangan ikhlas untuk membantu pengilang perabot tempatan dijadikan isu politik,” katanya.

Menteri itu bersetuju untuk menjadi tetamu kehormat dalam acara yang dianjurkan oleh Persatuan Industri Perkayuan Sabah (STIA) di Hotel Promenade kerana Kementeriannya telah membiayai projek itu di bawah Dana Inovasi Masyarakat (CIF) yang membawa kepada persiapan Manual Pengeringan dan Prosedur Operasi Standard, yang sebenarnya membantu industri itu di Sabah.

Surat turut dihantar kepada Pengarah Perhutanan Sabah, Datuk Sam Mannan dan disalinkan kepada Ketua Menteri, FRIM dan STIA mengenai perkara itu.